

05 JAN 2000

Mahathir-pemilihan

TERPULANG KEPADA BAHAGIAN PATUHI CADANGAN MT, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 5 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata terserah kepada semua Bahagian Umno untuk mematuhi cadangan Majlis Tertinggi agar beliau dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak ditentang untuk jawatan presiden dan timbalan presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Semasa bercakap kepada pemberita semasa tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas untuk lawatan singkat ke Kedah, Perdana Mahathir berkata bahagian mempunyai hak sama untuk mematuhi atau tidak cadangan itu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan seorang ahli jawatankuasa Umno bahagian di Negeri Sembilan dalam akhbar hari ini bahawa Umno membelakangkan demokrasi dengan tidak membenarkan pertandingan untuk dua jawatan tertinggi parti itu.

"Itu keputusan MT. Bukan keputusan saya. Saya tidak peduli kalau ada bahagian yang tidak setuju. Itu hak mereka.

"Kita tidak payah dengar apa orang nak kata. MT nasihat sahaja, kalau tidak mahu dengar, tidak apa," katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan tidak akan diambil terhadap mana-mana bahagian yang tidak setuju dengan cadangan MT itu.

Pada mesyuaratnya dua hari lepas di Kuala Lumpur, MT mencadangkan Dr Mahathir dicalonkan semula sebagai presiden parti dan Abdullah dicalonkan untuk jawatan timbalan presiden.

Abdullah, seorang naib presiden, kini menjalankan tugas sebagai timbalan presiden parti berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari parti dan kerajaan pada 1998.

MT juga mencadangkan agar kedua-duanya tidak ditentang.

-- BERNAMA

MAN MAI